



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62

28hb Mac 2019

No. 7

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 17.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ahmad bin Abdul Rani yang beralamat di 3, Lorong Tiga, Taman Angsana, 02450 Bukit Ketri, Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa, 28 Mei 2019 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

40

[28hb Mac 2019]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Beseri. No. Lot—4935. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1455. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 296/2008 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Mac 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2329(8)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 18.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 22 April 2019 pada 10.30 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM49,192.48. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM8,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

28hb Mac 2019]

41

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 20 Ogos 2019 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kechor. No. Lot—2647. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1282. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1131/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 8 Januari 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2364(11A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAKI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA